

Mahasiswa UMP timba pengalaman dalam penyediaan minyak wangi berasaskan herba



Melaka, 18 April- Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Teknologi Bahan berpeluang menyertai lawatan ke Syarikat Tropical Bioessence Sdn.Bhd di kilang induk yang terletak di Masjid Tanah, Melaka baru-baru ini. Lawatan diketuai pensyarah FSTI, Dr. Saifful Kamaluddin Muzakir yang turut disertai pensyarah kursus Surface Science & Colloid, Dr. Farah Hanani Zulkifli dan pensyarah kursus Rheology, Dr. Ahmad Salihin Samsudin. Hadir menyambut kunjungan, pengasas produk Sutra dan pemilik syarikat Tropical Bioessence Sdn. Bhd, Mohd Khairil Said dan Pengurus Pemasaran, Noor Izra Jamaludin.

Menurut Dr. Saifful, program ini dapat merapatkan hubungan antara industri dan fakulti, mempromosikan program fakulti iaitu Structured Early Industry Exposure Program (SEIEP) serta meneroka peluang kerjasama untuk penempatan latihan industri dan kerjasama penyelidikan. "Mahasiswa menyertai klinik penyediaan produk minyak wangi yang berasaskan tumbuhan tempatan dan diberi penerangan mengenai fungsi, kelebihan dan bahan yang digunakan untuk menghasilkan

lebih daripada 80 jenis produk yang dikeluarkan oleh syarikat bumiputera ini termasuklah minyak pati, minyak wangi, produk penjagaan kulit dan lain-lain," katanya.



Beliau menjelaskan, pihaknya sentiasa menyokong dan memberi ruang kepada mahasiswa untuk menimba ilmu menggunakan pelbagai medium. Selain itu katanya, satu kursus berasaskan atas-talian, Massive Online Open Course (MOOC) akan siap dibangunkan pada tahun 2018 khusus untuk pelajar menambah ilmu dalam bidang Colloid dan Rheology.

Manakala Mohd Khairil turut memberi berkongsi pengetahuan tentang segala proses yang dijalankan di kilang ini bagi menghasilkan produk keluaran syarikatnya khususnya melibatkan proses pengekstrakan pati daripada bahan mentah sehingga proses penulinan minyak pati. Di samping itu, mahasiswa turut diberi peluang untuk menghasilkan minyak wangi dan minyak urut sendiri dengan panduan dan tunjuk ajar yang diberikan bagi menghasilkan minyak wangi dan minyak urut mengikut formulasi Sutra.

Bagi Mohd Khairil, mahasiswa perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu yang berkaitan dengan bidang pengajian melalui pelbagai sumber dan mengharapkan . kunjungan ini dapat dimanfaatkan mahasiswa dalam aspek teknikal dan teori. Lawatan ini juga dapat memberi pendedahan awal kepada mahasiswa di samping mengenalpasti keperluan industri yang dapat disesuaikan dengan kepakaran yang dimiliki UMP.



Berita disediakan oleh Masni Mohamad Nor, Mahasiswa Program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Bahan.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 25-04-2017, 11:23:54